



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR Ts. DR. SALMIAH KASOLANG  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MoU)  
Antara  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG  
Dan  
JAMBATAN KEDUA SDN.BHD.**

**DI**

**HOTEL UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

**PADA**

**1 APRIL 2021M / 18 SYAABAN 1442H**

**(KHAMIS)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

## **TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS**

- **Yang Berbahagia Dato' Saat Esa**  
**Pengerusi**  
**Jambatan Kedua Sdn. Bhd.**
- **Yang Berusaha Professor Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali**  
**Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- **Yang Berusaha Encik Faisal Shahbudin**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Jambatan Kedua Sdn Bhd**
- **Yang Berusaha Ts. Dr Mohd Rozaiman Aziz**  
**Timbangan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- **Dr Hj Anas Ibrahim**  
**Ketua Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Awam**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**

- **Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- **Ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil dari Jambatan Kedua Sdn Bhd dan UiTM Cawangan Pulau Pinnag**
- **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Selamat Petang**

1. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat Nabi junjungan Muhammad s.a.w keluarga dan para sahabat baginda seluruhnya. Atas keizinan-Nya dapat kita sama-sama dalam majlis yang bakal memberikan kesejahteraan dan barakah kepada semua iaitu **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB).**

Kesempatan ini diambil, untuk saya menzahirkan ucapan terima kasih dan sekalung apresiasi kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis yang sungguh bermakna ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan selamat datang kepada **Yang Berbahagia Dato' Saat Esa, Pengerusi, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. dan wakil-wakil daripada Jambatan Kedua Sdn. Bhd.** yang turut bersama dalam majlis yang bersejarah ini. Terima kasih atas kesudian untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak UiTM

dan UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya. Saya mewakili pengurusan tertinggi UiTM dengan sepenuh hati menzahirkan rasa penuh bersyukur dan **komited untuk bersama-sama dalam merealisasikan hasrat murni ini.** InsyaAllah.

**Hadirin sekalian.**

- 2. Persis peribahasa “Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang” “Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”.** Perjanjian Persefahaman (MoU) ini adalah diharap menjadi satu penghubung rasmi diantara UiTM dan JKSB dalam melaksanakan pelbagai bentuk kerjasama melalui pelbagai inisiatif dan sokongan **demi kemaslahatan bersama.** Ibarat utuhnya Jambatan kedua ini menghubungkan tanah besar dan pulau berbakti kepada setiap penggunaannya begitulah juga JKSB dan UiTM menyokong satu sama lain berbakti dan menyumbang kepada pembangunan modal insan dan kemakmuran negara.
- 3. Melalui kredibiliti dan kewibawaan pengurusan dan warga kerja JKSB,** saya amat yakin kita dapat mencapai sesuatu dengan penuh gemilang dalam apa juga yang direncanakan. InsyaAllah.

## Tuan-tuan dan Puan-puan

4. Izinkan saya berkongsi mengenai Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM merupakan universiti terbesar di Malaysia yang mempunyai **35 cawangan dan kampus satelit** di seluruh Malaysia dan UiTM Shah Alam merupakan kampus utama serta pusat pentadbiran UiTM. Untuk makluman para hadirin sekalian, sehingga kini, UiTM secara keseluruhannya mempunyai seramai hampir **900 ribu alumni, 190 ribu pelajar dan 18 ribu kakitangan**. UiTM Cawangan Pulau Pinang merupakan **kampus yang ke-11 ditubuhkan**. Melalui Visi UiTM untuk menjadi sebuah **Universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan** dan misi **menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas** menerusi kurikulum keterhadapan dan penyelidikan berimpak. Falsafah universiti pula adalah meyakini bahawa **setiap individu mempunyai kemampuan untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan pengetahuan dan asimilasi nilai-nilai moral** sehingga menjadi graduan profesional yang mampu mengembangkan ilmu, pembangunan diri, masyarakat mahupun negara.
5. Oleh itu, pihak kami sangat menitikberatkan kerjasama di antara UiTM dan pemain industri dibawah kategori Kerajaan, GLC, swasta dan NGO sama ada tempatan mahupun antarabangsa. Kerjasama ini merupakan salah satu langkah yang penting dalam usaha untuk terus maju seiring dengan misi dan aspirasi UiTM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Objektif utama MoU di antara UiTM Cawangan Pulau Pinang dan JKSB adalah **untuk meningkatkan kerjasama dalam beberapa aspek** antaranya:
  - i. Pertukaran kepakaran dan bahan rujukan bagi tujuan pendidikan dan kajian di dalam bidang kejuruteraan, penilaian asset, penyelenggaraan dan pengurusan infrastruktur.
  - ii. Kolaborasi penyelidikan, penerbitan dan pembangunan teknologi.
  - iii. Latihan dan bantuan teknikal yang melibatkan pelajar dan staf.
  - iv. Kolaborasi Tanggungjawab Sosial Korporat.
  - v. Promosi berkenaan informasi dan aktiviti yang melibatkan kedua-dua belah pihak di dalam laman web dan media.
  
7. Kepelbagaian pengalaman dan latar belakang kakitangan di JKSB dan UiTM Cawangan Pulau Pinang dilihat dapat memberi impak yang positif melalui pertukaran idea dan pengalaman antara satu sama lain melalui perbincangan **intelektual, kolaborasi penyelidikan, inovasi, pengembangan kurikulum, serta pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bidang.**
  
8. Justeru, dengan termeterainya MoU di antara UiTM Cawangan Pulau Pinang dan JKSB nanti akan **mewujudkan peluang baru** kepada kedua-dua pihak. Kerjasama ini adalah **platform yang sempurna** untuk Pendidikan **tanpa sempadan** di mana semua pihak akan berpeluang menjana pengetahuan dan idea baru melalui pelbagai

aktiviti dan projek yang melibatkan pelajar mahupun staf dengan pihak berkepentingan.

9. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **peneraju MoU** ini yang diketuai oleh Dr Hj Anas Ibrahim, Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang bersama pasukannya iaitu Dr Siti Hafizan Hassan, Ir Zulfairul Zakariah, Ts Syahrul Fithry Senin dan Ts. Mohd Samsudin Abdul Hamid kerana berjaya membuka langkah untuk bekerjasama dengan sebuah syarikat besar yang merupakan pemilik salah satu mercu tanda di Malaysia iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah atau lebih dikenali sebagai Jambatan Kedua Pulau Pinang.

***PENUTUP:***

10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada pihak **Yang Berbahagia Dato' Saat Esa, Pengerusi, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. dan Pengurusan Jambatan Kedua Sdn. Bhd.** atas ruang dan peluang yang diberikan **serta semua yang menjayakan majlis ini.**

11. Semoga sifat **Asmaul Husna Ar-Rahman Ar-Rahim (Kasih dan Sayang)** terpahat dan hadir dalam hati masing-masing. Mendapat keberkatan dan dibukakan pintu rezekiNya dengan seluas-luasnya. Dipermudahkan segala urusan. InsyaAllah.

**Selat Pulau Pinang Lautnya biru**

**Kapal laut tempat berlalu**

**JKSB-UiTM dalam MoU**

**Kerjasama erat bantu membantu**

**Pulau Jerejak Pulau Aman**

**Pulau terkenal jadi bualan**

**JKSB-UiTM dua sekawan**

**Terus maju sepanjang zaman**

Sekian; Wabillahi taufiq, Wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.